

Majlis Pengkisahan Sejarah Siri Ke-2 Pendidikan Islam Di Terengganu

Memulakan majlis dengan hormatnya dipersilakan Yang Berbahagia Tuan Haji Ismail bin Ali Ketua Penolong Pesuruhjaya Bahagian Dakwah Jabatan Hal Ehwal Agama Terengganu untuk menjemput tokoh-tokoh jemputan dan seterusnya memulakan majlis pengkisahan sejarah siri ke-2 bertajuk pendidikan Islam di Terengganu. Dengan segala hormatnya dipersilakan.

Pengerusi Majlis

(Yang Berbahagia Tuan Haji Ismail bin Ali Ketua Penolong Pesuruhjaya Bahagian Dakwah Jabatan Hal Ehwal Agama Terengganu)

Assalamualaikum w.b.t. Alhamdulillahirabbil alamin wabihi nastain allahumma solli alamuhammad waala alisaidina muhammad waala alih wasohbihi ajmain amma baadu. Saudara pengerasi, Yang Berbahagia Dato'-Dato', tokoh-tokoh pendidikan Islam Terengganu, ketua-ketua jabatan, tetamu-tetamu kehormat, tuan-tuan, puan-puan, hadirin-hadirat yang dihormati sekalian. Sebelum daripada kita meneruskan pengkisahan sejarah siri ke-2 pendidikan Islam di Terengganu ini, saya dengan ini dan segala hormatnya mempersilakan tokoh-tokoh kita iaitu Yang Berbahagia Tuan Guru Wan Haji Abdul Latif bin Abdul Kadir, Tuan Guru Haji Abbas bin Mohamad dalam perjalanan dan Yang Berbahagia Dato' Haji Mohd Salleh bin Haji Awang mengambil tempatnya di atas pentas ini. Silakan dengan segala hormatnya.

Pengkisahan sejarah ini adalah anjuran Jawatankuasa Koleksi Terengganu Perbadanan Perpustakaan Awam Terengganu. Ia merupakan satu teknik penyampaian tentang fakta-fakta sejarah secara lisan dan langsung daripada tokoh-tokoh yang terlibat. Jadi melalui program ini, kita bukan sahaja mendapat maklumat ataupun fakta-fakta mengenai tajuk kita iaitu pendidikan Islam di Terengganu bahkan tuan-tuan dan puan-puan, hadirin-hadirat sekalian mendapat penjelasan lanjut dan berbincang dengan tokoh-tokoh kita untuk mendapatkan maklumat-maklumat lanjut mengenai pengalaman-pengalaman mereka dan sumbangan-sumbangan mereka terhadap perkembangan Islam di negeri ini. Jadi bolehlah kita katakan tujuan projek ini ialah untuk menambahkan maklumat terus daripada tokoh yang kita pilih mengenai sesuatu rintitan ataupun peristiwa sejarah dan peranan serta sumbangan mereka terhadap peristiwa yang berlaku di zaman mereka.

Yang kedua untuk merapatkan jurang di antara rentetan peristiwa dalam sejarah yang disumbangkan di antara tokoh-tokoh itu. Yang ketiga menambahkan lagi sumber bahan rujukan mengenai seorang tokoh serta

sesuatu peristiwa penting. Sehubungan itu pengisahan ini juga menimbulkan minat orang ramai terhadap pentingnya dipelihara tradisi pengumpulan bahan-bahan bersejarah untuk bahan rujukan dan pengiktibaran. Dan akhir sekali dari program ini, kita dapat merakamkan fakta-fakta ataupun peristiwa-peristiwa yang diceritakan secara langsung untuk kemudiannya dirakam ataupun disimpan dengan cara yang lebih selamat. Jadi berdasarkan pengalaman yang sudah-sudah, banyak fakta-fakta sejarah hilang dan hilangnya tokoh-tokoh yang terlibat. Jadi menyedari keadaan sedemikian, maka Koleksi Terengganu memberikan inisiatif untuk mengadakan sesi-sesi pengisahan ini bagi merakamkan sejarah perkembangan tokoh-tokoh yang terlibat dalam tema-tema yang ditentukan. Sekarang pengisahan kita berkisar tiga orang tokoh yang memberi sumbangan besar kepada pendidikan Islam. Tokoh-tokoh yang ada pada kita ni diibaratkan sebagai merealisasikan kepada pendidikan Islam sendiri iaitu suatu pendidikan Islam yang berterusan ataupun proses pengasuhan, pendidikan, pembelajaran yang disebut sebagai proses seumur hidup. Iaitu tokoh-tokoh yang ada dihadapan kita ini sejak daripada zaman kanak-kanak sampai ke saat ini terus segar dengan usaha mereka bagi mendidik dan mengembangkan pelajaran Islam di negeri Terengganu Darul Iman.

Tokoh yang akan kita bermesta pada hari ini ialah pertama Yang Berbahagia Tuan Guru Haji Wan Abdul Latif bin Abdul Kadir iaitu pengasas pondok-pondok terkenal di Jertih, Besut semenjak tahun 1937 hingga tahun 1958. Yang kedua ialah Yang Berbahagia Tuan Guru Haji Abbas bin Mohamad yang masih dalam perjalanan iaitu pengasas pondok Bukit Puteri tahun 1938 dan pondok Tok Jiring dan kemudiannya menjadi Sekolah Menengah Agama Tok Jiring dan akhir sekali menjadi Sekolah Kebangsaan Adama Tok Jiring. Dan yang ketiga ialah Yang Berbahagia Dato' Haji Mohd Salleh bin Haji Awang iaitu merupakan anak sulung kepada sekolah menengah ataupun Sekolah Arab Sultan Zainal Abidin yang kemudiannya berjaya menjadi seorang tokoh pendidik dalam sejarah negeri Terengganu yang tidak asing lagi. Itulah tiga tokoh yang boleh dianggap menggambarkan tiga episod dalam sejarah pendidikan Islam di negeri ini. Misalnya Tuan Haji Guru, Tuan Guru Haji Wan Abdul Latif merupakan seorang tokoh pendidikan tradisional di negeri ini kerana beliau banyak memberikan baktinya, menghidupkan sistem pendidikan Islam secara pondok di negeri ini terutama di daerah Besut. Sementara Tuan Guru Haji Abbas merupakan seorang tokoh yang terlibat dalam peralihan di antara orang yang menghidupkan pendidikan secara tradisional dan yang memberi idea ataupun menghidupkan pendidikan secara moden. Sementara Dato' Haji Mohd Salleh bin Awang merupakan seorang tokoh pendidikan aliran moden ataupun bersistem sekolah yang mana beliau sendiri telah terlibat dalam sistem ini. Jadi ketiga-tiga ini saya kira menggambarkan ataupun mewakili episod ataupun babak-babak masing-masing dalam sejarah pendidikan Islam di Terengganu ini. Satu

pilihan tepat bagi membolehkan kita mendapat gambaran jelas pendidikan Islam di negeri Terengganu ini.

Tuan-tuan, puan-puan, hadirin-hadirat yang dihormati sekalian

Saya dalam mempengerusikan pengkisahan sejarah ini mengambil kesempatan untuk mempersilakan tokoh pertama iaitu Tuan Guru Haji Wan Abdul Latif dan Tuan Guru Haji Abbas dan akhir sekali Dato' Haji Mohd Salleh bin Haji Awang. Ketiga-tiga orang ini akan mengkisahkan peristiwa-peristiwa yang mereka alami, yang mereka sendiri memain peranan penting di dalamnya khusus mengenai pendidikan Islam negeri ini. Setelah itu para pengulas mungkin akan menimbulkan perkara-perkara yang sepatutnya disebut oleh tokoh-tokoh itu. Setelah pengulas berpuas hati bahawa segala persoalan telah terjawab, tidak ada lagi perkara-perkara yang tertinggal maka kita akan beralih kepada tokoh kedua dan ketiga seterusnya. Kemudian barulah kita kemukakan ataupun beri peluang kepada hadirin-hadirat sekalian untuk mengemukakan apa-apa pandangan ataupun mendapatkan penjelasan lanjut mengenai pengceritaan ataupun pengkisahan yang diberi oleh ketiga-tiga tokoh itu. Jadi bolehlah kita kata kita ni mengandungi tiga sesi. Sesi pengkisahan. Kemudian sesi melengkapkan sesi pengkisahan itu yang akan dihidupkan oleh pengulas dan akhir sekali sesi soal jawab ataupun perbincangan yang mana di sini peranan hadirin-Kadirat sangatlah penting. Jadi sengaja kita buat sedemikian supaya gambaran keseluruhan tu dapat kita tangkap. Kemudian barulah kita mendapat apa-apa perkara yang perlu kita dapat penjelasan daripada ketiga-tiga tokoh itu. Sekarang sudah masuk tokoh yang kita nanti-nanti iaitu Tuan Guru Haji Abbas bersama dengan pengulasnya Ustaz Mohd bin Abdul Rahman. Sila. Ketiga-tiga ini berada di pentas, maka saya bagi pihak Jawatankuasa Koleksi dan penganjur pengkisahan ini mengalu-ngalu kedatangan tokoh-tokoh kita.

Apa yang berlaku di pentas ini menggambarkan apa yang tersirat. Kata-kata saya kira tidak boleh ya, menyempurnakan apa yang tuan-tuan dan puan-puan lihat. Bagaimana tokoh-tokoh ini dalam keuzuran, dalam usianya yang sudah menjangkau 80an dan termasuk 60an barangkali. Mereka tetap gigih untuk menyempurnakan permintaan bahkan permohonan daripada anak-anak cucunya untuk berkisah. Jadi inilah satu teladan, satu contoh bagaimana tokoh-tokoh lama begitu dedikasi dengan profisen masing-masing ataupun dengan tugas masing-masing. Walaupun kita memberi peluang kepada tokoh-tokoh ini tidak hadir dengan menghantar wakil, tapi mereka dengan ikhlas dan dengan tegas sanggup hadir. Saya bagi pihak Jawatankuasa Koleksi mengucapkan selamat datang dan merakamkan berbanyak-banyak terima kasih dan penghargaan kepada tokoh-tokoh. Semoga kedatangan mereka bertiga memberi manfaat yang besar kepada generasi-generasi baru ini bagi

mengingati dan mengambil pengajaran daripada peristiwa-peristiwa yang akan mereka ceritakan dan kisahkan dalam majlis kita ini.

Baiklah sekarang kita mulakan dengan tokoh yang pertama. Di dalam buku aturcara ini telah tercatat mengenai fakta ataupun sejarah ringkas tokoh-tokoh berkenaan. Yang pertama ialah Tuan Guru Haji Wan Abdul Latif bin Abdul Kadir. Oleh itu kita menghargai masa. Saya tidak akan membaca biodata ini dan tuan-tuan bolehlah membacanya sendiri. Apatah lagi kita menunggu di sini ataupun berada di sini sudah hampir satu jam. Saya kira semua orang sudah khatam membacanya. Kesimpulan yang dapat diberi kepada tokoh Tuan Guru Haji Abdul Latif ialah beliau seorang yang tidak serik ataupun tidak jemu-jemu menuntut dan belajar. Dan tidak pernah jemu-jemu menyumbangkan ilmu pengetahuannya kepada anak-anak bahkan terutama di daerah Besut. Dan beliau bukan setakat mengorbankan ilmu, tenaga, umurnya bagi pendidikan Islam bahkan mengorbankan harta bendanya. Iaitu di antaranya ialah tapak sekolah-sekolah menengah yang ada. Beberapa buah sekolah menengah yang ada di Besut ataupun di Jertih hari ni merupakan asalnya milik kepada Tuan Guru ini. Tetapi dengan penuh keikhlasan dan demi untuk memajukan pendidikan Islam negeri ini, beliau telah mewakafkan ataupun menghadiahkan tanah itu untuk dijadikan sebagai tapak sekolah. Sumbangan seperti ini sukar dibuat oleh orang-orang zaman ini kerana sifat tabarruk ataupun suka bersedekah boleh dikatakan hampir pupus di kalangan masyarakat. Jadi ini sebagai suatu perkara yang harus diinsafi oleh kita semua dalam masa kita mendengar kisah beliau sebentar lagi. Barangkali kita dapat memeriksakan diri kita sendiri. Apakah sumbangan kita kepada Islam dari segi pendidikan. Dan barangkali kepada belia-belia ataupun pelajar-pelajar ataupun penuntut-penuntut maktab, mereka mungkin apabila mendengar kisah daripada tokoh terutama tuan guru ini, mereka mempunyai tekad dan semangat untuk sekurang-kurangnya menjelaki mereka dalam pengorbanan demi pengorbanan untuk mendidik anak-anak bangsa kita. Setelah kesimpulan tentang Tuan Guru Haji Wan Abdul Latif yang baru-baru ini sempena dengan perayaan Maal Hijrah telah diisyiharkan sebagai tokoh ulama negeri Terengganu. Sekarang saya dengan segala hormatnya mempersilakan Tuan Guru Haji Wan Abdul Latif dengan dibantu oleh anakandanya Tuan Haji Abdullah bin Haji Wan Abdul Latif untuk memulakan pengisian sejarah mengenai pendidikan Islam di Terengganu. Dengan segala hormatnya saya mempersilakan.

Tuan Haji Abdullah bin Haji Wan Abdul Latif (Anak Tokoh 1)

Bismillahirrahmanirrahim. Alhamdulillahi rabbil alamin wabihinastain. Assalamualaikum w.b.t. Tuan pengurus majlis, Yang Berbahagia Dato' MISBAHA, Yang Berbahagia Tuan Guru Haji Abbas Mohamad, Yang Berbahagia Tuan Guru Haji Wan Abdul Latif, Dato'-Dato', tuan-tuan dan

puan-puan yang dihormati sekalian. Sebelum saya memulakan pengkisahan sejarah berhubung dengan pendidikan pondok ini, suka lah saya maklumkan kepada tuan-tuan pada peringkat awalnya saya mula menjadi risau oleh kerana saya tidak dapat hendak mencantikkan dengan secara lebih detail. Oleh kerana masa yang diberi ataupun masa yang saya tahu yang orang tua saya ini dipanggil untuk apa ni pengkisahan sejarah dari segi pondok. Adakala saya pulang ke rumah, beliau panggil berjumpa dengan saya dan menyatakan dia tidak dapat hadir untuk ke sinilah kerana beliau uzur. Maka saya pun telefonlah kepada pihak apa ni Perbadanan Perpustakaan Awam Terengganu berhubung dengan kenyataan yang beliau beri kepada saya. Tapi di atas permintaan oleh pihak berkenaan, maka saya cuba jugalah untuk mengambil sejarah kisah daripada mulai awal beliau dahulu sampailah ke sekarang ini. Dalam apa yang saya telah tuliskan di sini pada peringkat awal sejarah dia datang ke keluarga dia ataupun waris dia datang ke Tanah Melayu ni.

Yang kedua kisah sejarah dia dari segi pembukaan pondok dan sejarah yang ketiga ialah dari segi penglibatan beliau dalam soal politik. Jadi pada pagi ini ialah yang kita mahu-mahu mengetahuinya adalah segi sejarah pondok. Jadi saya tidak hendak mencantikkan daripada peringkat awal. Hanya saya cerita daripada peringkat penubuhan pondok sendiri. Setakat penubuhan pondok sahaja. Jadi kalu (kalau) yang lain-lain yang nak tu bolehlah ambik (ambil) dengan saya dan saya buat ni agak terkilan dua, tiga kali buat pengesahan dengan dia. Setelah ambik (ambil) sekali, jadi rasa curiga, tak berapa tepat. Jumpa lagi sehingga empat kali pun masih ada lagilah perkara-perkara yang dikeluar. Saya harap kepada apa ni tuan-tuan dan puan-puan sekalian apakala saya tanya, tanya atas masalah soalan saja kepada beliaulah. Jadi kalu (kalau) nak tahu lagi apa benda yang kecil-kecil ataupun yang bersejarah lagi bolehlah tanya secara diretlah sikit lagi. Selepas saya buat soalan kepada beliau. Jadi saya berupa soalan saja. Setelah saya beritahu kepada dia dan dia jawablah dan di situlah dapat kita tahu lah sejarah pembukaan pondoklah. Jadi untuk memulakan jadi minta maaflah kerana dari segi pendengaran dia, dia paka (pakai) benda tu pun tak berapa terang dan dari suara dia pun tidak begitu nyatalah. Jadi serak-serak gitulah. Jadi dalam untuk memulakan ini, saya akan bertanya dialah. Pada tahun berapakah ni saya base (panggil) Wan ke dia. Saya base (panggil) Wan ke dia. Jadi orang lain base (panggil) ayah. Dalam tahun berapakah apa benda ni Wan buka pondok tu di Jertih. Di pondok Jertih pada tahun berapa?

Tuan Guru Wan Haji Abdul Latif bin Abdul Kadir (Tokoh 1)

Assalamualaikum w.b.t. Alhamdulillahi rabbil alamin wassolatu wassala muala asrafilambiya iwal mursalin waalaalih wasohibi ajmain. Tuan-tuan, puan-puan semua dan Dato'-Dato'. Saya minta maaf lebih dulu kerana saya Tuhan beri rahmat kepada saya telinga kurang dengar, mata kurang

napok (nampak), butir- butir (butiran percakapan) tak berapa tubik (keluar) molek dan ingatan pulok (pula) banyak tak beringat. Nama-nama orang nok (nak) sebut, rasa tak dapat. Maka permulaan saya balik dari Mekah itu adalah asalnya pakat nak buat dengan tuk guru di Kuala Besut. Tapi tak jadi. Kemudian cari-cari tanah. Bolehlah di Jertih tu. Lebih kurang tahun barangkali dalam 1950, 37, 70 begitulah dan tidak ada. Boleh saya buka di situ mulanya kalau tak silap pondok tu tak berapa ingatlah. 37 begitulah 36, 37 mulai buka. Itulah. Belum pada itu saya mengajar di kampung-kampung saja dan ada di (Bukit) Keluang, ada saya mengajar situ untuk orang situ. Kemudian ada pulok (pula) nok (nak) berasa nok (nak) buka pondok. Ada orang mitok (minta) nok (nak) buat pondok. Jadi masa tu saya tak ingat, tak berapa sedar pegawai daerah situ kalau (kalau) nok (nak) berasa-berasa (tidak kedengaran suara).

Dan Tengku Lela dulu. Pada tu minta kebenaran dia mengajar di Kampung Raja, Tengku Lela. Kemudian nak buka pondok dengan pegawai daerah situ kalau (kalau) tak silap (tidak kedengaran suara).

Saya gi (pergi) mitok (minta) ke dia, dia wi (bagi) surat pengenalan suruh mari periksa Terengganu. Jadi saya mari ~~sini~~ ^{talih} cari iaitu Haji Wan Ngah Dato' Kamal. Ajok (ajak) gi (pergi) jumpa dengan apa nama ni Haji tu lah. Tak ingat, tak pernah sebut. ~~Menyeri~~ Besar dulu tu. Apa nama Dato' Amar. Mari jumpa dengan Haji Wan Ngahlah bawa saya gi (pergi) situ. Gi (pergi) jumpa situ dengan Dato' ~~Amar~~. Akhirnya kata gi (pergi) periksalah di masjid apa nama ni Zainal Abidin. Orang masa tu itulah Tengku Tuan Sulong, Tuan Sulong duk mengajar situ. Dia periksalah saya situ. Itulah tauliah saya, ambil tauliah. ~~Lepas~~ tu balik tu bukah pondoknya. Lebih kurang tahun itulah ~~Tidak~~ 36, 37. Selepas pada tu buatlah pondok masing-masing. Jadi akhir sekalinya saya tuk mertua beri rumah sebuah. Tak dapat nak ~~bubuh~~ bata. Padahal batanya empat puluh riya (empat puluh ringgit) apa nama ni empat puluh riya (empat puluh ringgit) saja. Tapi tak boleh buat. Jadi saya mitok (minta) murid-murid yang ada dalam duk (duduk) belajar tu mintalah gi (pergi) mengaji ke lain. Takpelah, saya nak cari duit kerana saya ingat takdok (tidak ada) belanja nok (nak) buat atap rumah. Jadi berdiri rumah pada 1 haribulan Zulhijjah sapa (sampai) ketika bulan Zulhijjah takleh (tak boleh) nak bubuh bata lagi. Takdok (tidak ada) pitis (duit). Jadi masing-masing budoknya (penuntut) yang terutama sekali budak Terengganu yang ramai sekali. Pulau Rusa yang banyak sekali dan lepas tu, budak tak lari juga. Ada barangkali dalam empat, lima belas yang larinya. Jadi saya pun carilah harta. Maka Tuhan berilah kepada saya harta. Tokel (tauke) dengan Haji Kadir. Ambik (ambil) pitis (duit) (tidak kedengaran suara)

Akhirnya bulehlah (bolehlah). Jadi lepas pada tu bila gitu, buka pondok mengajar tadi, saya berentilah (berhenti) cari duit. Baki yang ada dua, tiga, empat ribu lagi saya buatlah madrasah, buat apa. Kebetulan Tuk Guru Abbas balik dari India yang ke berapa kali, saya tak tahu. Itu dia